

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Saturday, August 10, 2019 10:22 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: PERUTUSAN NAIB CANSELOR SEMPENA HARI RAYA AIDILADHA 1440 HIJRAH



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

10 OGOS 2019 / 09 ZULHIJAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



UUM ONLINE:

PERUTUSAN NAIB CANSELOR SEMPENA HARI RAYA AIDILADHA 1440 HIJRAH

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Alhamdulillah, pada setiap 10 Zulhijah, seluruh umat Islam menyambut hari raya Haji atau hari raya Korban. Pada tahun ini juga sempena 10 Zulhijjah 1440 Hijrah, jutaan umat Islam di Makkah menunaikan ibadah Haji. Bagi kita yang tidak berkesempatan untuk ke tanah suci, maka pada hari ini kita berhimpun, bertakbir, bertahmid dan menunaikan solat sunat Iduladha. Seterusnya pada 10 hingga 13 Zulhijah kita dituntut melaksanakan ibadah korban daripada binatang ternakan untuk disedekahkan dagingnya kepada umat Islam sama ada golongan kaya atau miskin semata-mata kerana Allah Subhanahuwataala. Tuntutan ini berdalilkan hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Sesiapa yang mempunyai kemampuan dan tidak mengerjakan ibadat korban, janganlah mendekati tempat solat kami." (Hadis riwayat Ibnu Majah)

Secara umumnya kita mengetahui pengorbanan agung Nabi Ibrahim alaihissalam sekeluarga dalam mentaati perintah Allah Subhanahuwataala amat sinonim dengan ibadah korban. Begitu juga kisah Habil dan Qabil yang mempamerkan Habil sebagai simbol seorang hamba yang benar-benar mensyukuri kurniaan Tuhan Yang Maha Pemurah.

Menurut Imam Ghazali, penyembelihan binatang korban sebagai simbol dari menghilangkan sifat-sifat haiwan yang ada pada manusia seperti sifat tamak, kedekut, sombong, dengki dan sifat mazmumah atau tercela yang lain. Dengan berkorban diharapkan kita semua, terutama warga Universiti Utara Malaysia (UUM) dapat membuang sifat-sifat keji yang boleh merugikan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan institusi.

Ibadah korban juga merupakan tanda syukur kita atas pelbagai nikmat yang telah dikurniakan kepada kita agar kita lebih peka menggunakan segala nikmat itu di jalan yang mendapat keredaan Allah Subhanahuwataala. Firman Allah dalam surah Al Kautsar ayat 2, yang bermaksud:

"Maka kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu dan sembelihlah korban sebagai tanda bersyukur".

Akhir kata, saya dan isteri serta keluarga mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada semua warga UUM. Saya juga mendoakan agar warga UUM yang terpilih menjadi tetamu Allah di Tanah Suci pada tahun ini memperoleh haji yang mabrur dan marilah kita bersama-sama meraikan Aidiladha ini dengan penuh tawaduk agar segala pengorbanan kita dinilai Allah sebagai amal kebajikan dan menjadi bekalan untuk mengadap Allah Rabuljalil.

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّْ وَمِنْكُمْ

التَّوْفِيقَ وَالْهِدَايَةَ وَالسَّلَامَ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِاللَّهِ

Naib Canselor
Universiti Utara Malaysia



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.